

Kajian Semula Sistem Pendidikan: Dialog Nasional Pendidikan Negara 2012

Kementerian Pelajaran Malaysia

Dokumen Pendirian Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia (Dong Zong) yang dikemukakan kepada Panel Dialog Nasional Pendidikan Negara, Kementerian Pelajaran Malaysia Pada 9 Jun 2012

Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia (Dong Zong) mengemukakan pandangan bertulis dan memorandum berikut kepada Panel Dialog Nasional Pendidikan Negara supaya dimasukkan ke dalam kajian semula sistem pendidikan negara dan pelan pembangunan dan strategik pendidikan.

1. Dong Zong berpendapat bahawa sembilan bidang yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk kajian semula sistem pendidikan negara telah mengabaikan kajian semula akta dan dasar pendidikan. Oleh itu, kajian semula sistem pendidikan negara yang dijalankan

adalah tidak menyeluruh. Sembilan bidang yang digariskan oleh KPM ialah:-

- (1) Profesion guru.
- (2) Kepimpinan sekolah.
- (3) Kualiti pengajaran dan infrastruktur sekolah.
- (4) Kurikulum dan pentaksiran.
- (5) Kecekapan murid terhadap pelbagai bahasa.
- (6) Peluang pasca menengah untuk pendidikan tinggi dan peluang pekerjaan.
- (7) Penglibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta.
- (8) Penggunaan sumber yang efisien dan efektif.
- (9) Kapasiti dan keupayaan sistem penyampaian.

Dong Zong berpendapat harus mempunyai satu bidang yang khas untuk mengkaji

semula akta dan dasar pendidikan.

2. Dong Zong menyampaikan kepada Panel Dialog Nasional Pendidikan Negara berkenaan satu salinan memorandum bertajuk "PEMBANGUNAN PELBAGAI ALIRAN SEKOLAH SECARA ADIL DAN SISTEMATIK UNTUK MEMPERKEMBANGKAN KELEBIHAN DAN KEMAJUAN NEGARA" yang dikemukakan oleh Dong Zong dan Jiao Zong kepada YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak pada 14 November 2011. Dong Zong menggesa kerajaan memberi perhatian utama dan melaksanakan cadangan-cadangan dalam memorandum tersebut.
3. Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Dong Zong termasuk:-
 - (1) Dalam mengkaji semula sistem pendidikan negara kita, kerajaan hendaklah memansuhkan dasar pendidikan yang *unilateral* atau dasar pendidikan sistem satu aliran sekolah dan "matlamat muktamad" yang dinyatakan dalam Penyata Razak 1956. Kerajaan juga hendaklah mengkaji semula akta pendidikan dan melaksanakan dasar pendidikan *multiculturalism* / *multilateral* atau dasar pendidikan sistem pelbagai aliran sekolah supaya setiap aliran sekolah menikmati kedudukan sama rata, layanan dan agihan sumber pendidikan yang adil serta menjamin kesinambungan dan pembangunannya.
Penerangan: Perenggan 12 Penyata Razak 1956 menyatakan bahawa matlamat muktamad dasar pendidikan adalah untuk menempatkan anak-anak semua kaum di bawah satu sistem pendidikan yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, iaitu hendak melaksanakan dasar sistem satu

aliran sekolah untuk menukar pelbagai aliran sekolah menjadi satu aliran sekolah. Pelaksanaan dasar sistem satu aliran sekolah menyebabkan sekolah-sekolah Cina, Tamil, mualigh dan sekolah conforming dipinggirkan dan tidak menikmati kedudukan sama rata dan layanan yang dinikmati oleh sekolah kebangsaan. Contohnya, masalah-masalah kekurangan guru, sekolah dan peruntukan pembangunan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) selama ini masih tidak diselesaikan. Tindakan pihak berkuasa menghantar guru-guru tanpa kelayakan Bahasa Cina ke SJKC dan cubaan menukar bahasa pengantar SJKC turut mengancam kesinambungan SJKC.

- (2) Menggesa kerajaan dengan jelasnya menjamin kedudukan semua aliran sekolah rendah mengguna bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar sekolah. Semua kelas biasa, kelas pendidikan prasekolah, kelas pendidikan khas hendaklah menggunakan Bahasa Cina sebagai pengantar utama. KPM hendaklah melatih dan menghantar guru-guru rasmi yang mencukupi dan berkelayakan Bahasa Cina ke SJKC.
- (3) Menggesa kerajaan melaksanakan 4 resolusi yang diluluskan dalam Perhimpunan Membantah Kekurang Guru di SJKC yang diadakan pada 25 Mac 2012 (Perhimpunan 325) supaya menyelesaikan masalah kekurangan guru SJKC dan guru tanpa kelayakan Bahasa Cina dari segi akta, dasar dan sistem pendidikan agar masalah-masalah itu diselesaikan secara menyeluruh dari peringkat akar umbi untuk selama-lamanya. Selain itu, kerajaan hendaklah mengumumkan secara telus berkenaan maklumat dan statistik perguruan yang

lengkap dan tepat serta formula dan jadual waktu penyelesaian masalah-masalah.

Empat resolusi Perhimpunan 325:-

1. Perhimpunan ini menggesa Kementerian Pelajaran Malaysia supaya menarik balik penempatan semua guru yang tidak berkelayakan Bahasa Cina termasuk guru-guru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang ditempatkan ke Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) pada awal sesi persekolahan tahun ini. Perhimpunan ini juga menggesa Kementerian Pelajaran Malaysia menempatkan semula guru-guru yang berkelayakan Bahasa Cina ke Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) yang dipindahkan sebelum ini.
2. Perhimpunan ini menggesa Kementerian Pelajaran Malaysia supaya mengadakan program latihan kerja khas untuk guru-guru yang berkelayakan Bahasa Cina yang telah mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) sekurang-kurangnya tiga tahun agar mereka memiliki kelayakan profesion mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
3. Perhimpunan ini menggesa Kementerian Pelajaran Malaysia supaya memulihkan sistem latihan perguruan yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), dan menubuhkan bahagian latihan perguruan yang khusus untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina serta mewujudkan satu pelan latihan perguruan yang lebih sempurna dengan menetapkan kepujian mata pelajaran Bahasa Cina di peringkat SPM untuk melahirkan guru-guru yang memenuhi keperluan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina).
4. Perhimpunan ini menggesa kerajaan supaya mengkaji semula Akta Pendidikan dan melaksanakan dasar pendidikan pelbagai aliran sekolah dengan bahasa pengantar masing-masing untuk menjamin semua aliran sekolah yang sedia ada dengan memberi kedudukan sama rata dan layanan adil kepada setiap aliran sekolah.
- (4) Menggesa KPM memulihkan kedudukan dan kuasa lembaga pengelola/pengurus SJJKC, memperbetulkan tindakan yang meminggir pihak lembaga pengelola dan merampas kuasanya untuk mengurus sesebuah SJJKC. KPM hendaklah mengeluarkan sijil perakuan pendaftaran ahli lembaga pengelola sekolah kepada para pemohon dengan kadar segera supaya pihak lembaga dapat mengurus sekolah secara lancar tanpa gangguan, termasuk mengurus harta dan wang sekolah, kantin, dewan, kedai buku, sewa, dan menandatangani cek sekolah dan memeriksa akaun sekolah.
- (5) Menggesa KPM mengumumkan dan melaksanakan mekanisma pembinaan semua aliran sekolah secara sistematik, menanggung semua tanah dan kos yang diperlukan untuk pembinaan sekolah-sekolah baru seperti SJJKC, SJKT, sekolah mubaligh dan lain-lain.
- (6) Menggesa KPM dengan kadar segera meluluskan pembinaan 46 buah SJJKC baru yang dicadangkan dalam memorndum Dong Jiao Zong kepada YAB Perdana

- Menteri. KPM hendaklah memberi tanah dan peruntukan wang yang diperlukan serta mengumumkan projek dan jadual waktu pembinaan sekolah-sekolah itu. (Sila rujuk lampiran)
- (7) Menggesa KPM memansuhkan syarat-syarat yang tidak adil dalam pembinaan dan perpindahan sekolah. Ini termasuk syarat-syarat yang menetapkan SJKC hendaklah mempunyai dana mencapai 80% kos pembinaan untuk pertimbangan kelulusan pembinaan sekolah/bangunan sekolah. Selain itu, KPM juga menetapkan SJKC menanggung sendiri tanah dan kos pembinaan sekolah, manakala tanah tersebut hendaklah bukan tanah rizab sekolah yang dimiliki oleh kerajaan.
- (8) Menggesa KPM memansuhkan klasifikasi "sekolah bantuan penuh" dan "sekolah bantuan modal" yang bertentangan dengan undang-undang. Sebaliknya, KPM hendaklah memberi peruntukan wang secara adil kepada SJKC, SJKT, sekolah mualigh, sekolah agama, sekolah conforming dan sebagainya, serta menaggung semua perbelanjaan pentadbiran dan pembangunan sekolah.
- (9) Menggesa KPM mengumumkan secara telus peruntukan pentadbiran dan pembangunan setiap aliran sekolah di bawah rancangan malaysia dan belanjawan tahunan, termasuk bandingan jumlah wang bagi setiap belanjawan dan perbelanjaan sebenar.
- (10) Menggesa kerajaan mengiktiraf sepenuhnya Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate, UEC*) Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC), memberi peruntukan wang secara sistematis kepada semua SMPC setiap tahun, meluluskan dengan kadar segera penubuhan SMPC di Kuantan dan kawasan yang memerlukan. Kerajaan juga harus memberi biasiswa, pinjaman dan bursary kepada pelajar SMPC, mengecualikan mereka daripada bayaran peperiksaan kerajaan, MSSM dan kos lain supaya memberi layanan yang adil kepada mereka.
- (11) Kerajaan harus menunaikan janji-janjinya kepada Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* (Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, SMJK) dengan memberi layanan adil dan bertanggungjawab membangunkan sekolah-sekolah itu. Ini termasuk:
- Satu pertiga masa pengajaran dan pembelajaran dijalankan dalam bahasa Cina.
 - Menanggung semua belanja mengurus dan pembangunan sekolah.
 - Guru yang mencukupi termasuk guru pentadbiran berjawatan tinggi yang berkelayakan Bahasa Cina dan guru-guru Bahasa Cina.
 - Menjamin kedudukan dan kuasa lembaga pengelola sekolah conforming, memulihkan kedudukan SMJK di sisi undang-undang dan menetapkan kuasa pihak lembaga pengelola.
 - Meluluskan pembinaan SMJK baru manakala tanah dan kos pembinaannya ditanggung oleh kerajaan.
- (12) Menggesa KPM memperbaiki persekitaran pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina di Sekolah Menengah Kebangsaan. Ini termasuk:
- Guru Bahasa Cina yang mencukupi.
 - Menambah bilangan kelas Bahasa Cina.
 - Menambah bilangan waktu Bahasa

- Cina dan dimasukkan dalam jadual waktu persekolahan.
- d) Mengumumkan secara telus kaedah dan standard pemarkahan mata pelajaran Bahasa Cina dalam SPM dan STPM.
- e) Menjelaskan sebab-sebab mata pelajaran Bahasa Cina dalam SPM dan STPM mencapai keputusan peperiksaan yang jauh lebih rendah berbanding dengan bahasa lain.

Lampiran: Kawasan-kawasan yang perlu dibina SJKC baru (Belum mendapat kelulusan daripada Kementerian Pelajaran)

Mengikut maklumat yang dikumpul oleh Dong Jiao Zong sehingga November 2011, kawasan-kawasan yang perlu dibina SJKC baru termasuklah:

Negeri	Kawasan Pembinaan SJKC Baru	Bilangan Sekolah Baru
Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"> • Jinjang-Kepong (1 buah) • Taman Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh (1 buah) • Kota Damansara (1 buah) • Damansara Damai (1 buah) • Cahaya SPK, Subang (1 buah) • Bandar Setia Alam (1 buah) • Ara Damansara (1 buah) • Puncak Jalil (1 buah) • Taman Putra Permai, Seri Kembangan (1 buah) <ul style="list-style-type: none"> • Puchong (4 buah)-termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • Puchong (Selain Pekan Kinrara) (2 buah) • Pekan Kinrara , Puchong (1 buah) • Taman Tasik Prima, Puchong (1 buah) • USJ–Subang Jaya–Putra Heights (1 buah) • Cheras (1 buah) • Bandar Mahkota Cheras (1 buah) 	1 8 4 1 3
Negeri Johor	Kawasan Timur-laut Johor Bahru: <ul style="list-style-type: none"> • Taman Daya–Taman Mount Austin (1 buah) <ul style="list-style-type: none"> • Taman Seri Austin–Taman Adda Heights–Taman Setia Indah (1 buah) • Bandar Baru Permas Jaya (1 buah) Kawasan Barat-laut Johor Bahru: <ul style="list-style-type: none"> • Taman Bukit Indah (1 buah) • Kawasan sekitar Taman Sutera Utama (1 buah) • Taman Universiti (1 buah) Kawasan Kulaijaya: <ul style="list-style-type: none"> • Bandar Putra Kulai (1 buah) • Taman Sri Putri Kulai (1 buah) 	3 1 3 2

Negeri Pulau Pinang	<p>Pulau Pinang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bandar Baru Air Itam/Perumahan Farlim (1 buah) • Paya Terubong (1 buah) • Sungai Nibong (1 buah) • Relau (1 buah) • Sungai Ara (1 buah) 	5
	<p>Seberang Perai:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sungai Dua (1 buah) • Seberang Jaya (1 buah) • Taman Chai Leng (1 buah) • Bertam (1 buah) • Alma (1 buah) • Bukit Mertajam (1 buah) • Nibong Tebal (1 buah) • Tasek (1 buah) 	8
Negeri Perak	<ul style="list-style-type: none"> • Bercham, Ipoh (1 buah) 	1
Negeri Sabah	<ul style="list-style-type: none"> • Kota Kinabalu (1 buah) 	1
Negeri Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> • Kuching (1 buah) • Tanjung Kidurong, Bintulu (1 buah) • Sekitar Jalan Sibiew, Bintulu (1 buah) • Senadin, Miri (1 buah) • Taman Tunku, Miri (1 buah) • Kamayang, Sibu (1 buah) 	6
Jumlah		46

Sumber: Memorandum yang dikemukakan oleh Dong Jiao Zong kepada YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak pada 14 November 2011.

活动 / 专题

事件 / 专题

文献

图表与数据

编后语

编委会名单